

PANDUAN TEKNIKAL

PANDUAN PERMOHONAN LESEN KELAS H BAGI MENJADI AGENSI LATIHAN PEGAWAI PERLINDUNGAN SINARAN



Lembaga Perlesenan Tenaga Atom
Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim
Batu 24, Jalan Dengkil, 43800 Dengkil Selangor Darul Ehsan

Tel: 03-8922 5888

Fax: 03-8922 3685

Laman Web: <http://www.aelb.gov.my>

PANDUAN PERMOHONAN LESEN KELAS H BAGI MENJADI AGENSI LATIHAN PEGAWAI PERLINDUNGAN SINARAN

KANDUNGAN

Muka Surat

1. SKOP	3
2. SINGKATAN	3
3. TAFSIRAN.....	3
4. SYARAT MEMOHON LESEN SEBAGAI AGENSI LATIHAN PENSIJILAN PEGAWAI PERLINDUNGAN SINARAN.....	4
5. PROSEDUR MENDAPATKAN LESEN SEBAGAI AGENSI LATIHAN	10
6. MAKLUMAT TAMBAHAN.....	12
7. PENUTUP.....	13
8. REKOD DOKUMEN	14

1 SKOP

- 1.1 Panduan ini menggariskan prosedur bagi sesebuah agensi yang ingin memohon lesen dari LPTA sebagai sebuah Agensi Latihan bagi melatih calon untuk menduduki Peperiksaan Pensijilan Pegawai Perlindungan Sinaran.
- 1.2 Dokumen ini tertakluk kepada pindaan dan arahan yang dikeluarkan oleh Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (LPTA) dari semasa ke semasa.

2. SINGKATAN

Singkatan perkataan yang digunakan dalam Standard ini mempunyai makna seperti berikut:

- 2.1 **LPTA** adalah Lembaga Perlesenan Tenaga Atom;
- 2.2 **JKPPPS** adalah Jawatankuasa Kebangsaan Pensijilan Pegawai Perlindungan Sinaran; dan
- 2.3 **PPS** adalah Pegawai Perlindungan Sinaran.

3. TAFSIRAN

- 3.1 Agensi Latihan.
Agensi Latihan iaitu agensi yang telah diiktiraf oleh LPTA bagi mengendalikan latihan kepada calon PPS
- 3.2 Jurutunjuk Teknikal.
Seseorang yang berkelayakan untuk menyelia dan memberikan tunjuk ajar semasa latihan amali.

4. SYARAT MEMOHON LESEN SEBAGAI AGENSI LATIHAN PENSIJILAN PEGAWAI PERLINDUNGAN SINARAN

Sesuai syarikat/agensi layak dipertimbangkan untuk menjadi Agensi Latihan jika memenuhi syarat berikut:

4.1 Organisasi dan Pengurusan

- 4.1.1 Hendaklah ditubuhkan secara sah di bawah undang-undang Kerajaan Malaysia yang berkaitan.
- 4.1.2 Mempunyai kuasa dan mandat untuk melaksanakan tugas sebagai Agensi Latihan daripada pihak pengurusan atasan.
- 4.1.3 Mempunyai seorang Pengurus Latihan dan Penolong Pengurus Latihan yang akan bertanggungjawab terhadap segala aktiviti latihan.
- 4.1.4 Mempunyai Program Perlindungan Sinaran yang berkaitan dengan bidang latihan yang dipohon.
- 4.1.5 Mempunyai PPS dalam bidang pensijilan berkaitan dengan latihan yang akan dijalankan.

4.2 Program Latihan

- 4.2.1 Agensi Latihan perlu mewujudkan dan melaksanakan dokumen program latihan. Dokumen ini hendaklah mudah diperolehi oleh semua pegawai yang terlibat dengan latihan dan hendaklah sentiasa dikemaskini. Dokumen ini hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya perkara berikut:

- a) Penyata polisi organisasi serta tanggungjawab pihak pengurusan;
- b) Skop latihan bidang Pensijilan berkaitan;
- c) Sukatan latihan yang menyatakan secara terperinci tempoh pengajaran teori dan latihan amali;
- d) Nota kuliah yang terkini dan senarai bahan rujukan yang digunakan untuk latihan;
- e) Pelan dan program latihan semasa;
- f) Prosedur pengambilan Tenaga Pengajar, Jurutunjuk Teknikal dan peserta kursus;
- g) Senarai kelengkapan/peralatan, manual penggunaan kelengkapan /peralatan dan sijil tentukan kelengkapan/peralatan yang digunakan untuk latihan amali; dan
- h) Senarai nama dan butir jayadiri (CV) Tenaga Pengajar dan Jurutunjuk Teknikal termasuk pengalaman dan kelayakan bagi bidang latihan pensijilan yang dipohon.

4.2.2 Agensi Latihan hendaklah menyediakan program latihan untuk dinilai dan diperakukan oleh JKPPPS terlebih dahulu sebelum mendapat kelulusan LPTA.

4.2.3 Program latihan yang digunakan hendaklah sentiasa dikemaskini dari semasa ke semasa sesuai dengan perubahan silibus dalam LEM/TEK/44 (BAHAGIAN A), untuk memastikan keberkesanan dan kesesuaian latihan.

4.3 Silibus Latihan

Tempoh minimum silibus latihan mestilah memenuhi kehendak yang telah ditetapkan dalam LEM/TEK/44 (BAHAGIAN A).

4.4 Tenaga Pengajar dan Jurutunjuk Teknikal

4.4.1 Agensi Latihan hendaklah menyediakan sekurang-kurangnya 2 orang Tenaga Pengajar dan seorang Jurutunjuk Teknikal bagi setiap bidang latihan pensijilan yang dipohon.

4.4.2 Tenaga Pengajar dan Jurutunjuk Teknikal yang dilantik oleh Agensi Latihan hendaklah diperakukan oleh JKPPPS dan diluluskan serta diiktiraf oleh LPTA.

4.4.3 Tenaga Pengajar dan Jurutunjuk Teknikal hendaklah mempunyai kelayakan, latihan dan pengalaman serta pengetahuan teknikal yang bersesuaian dengan bidang latihan pensijilan yang dipohon.

4.4.4 Tenaga Pengajar hendaklah mempunyai kelulusan minimum Ijazah Sarjana Muda berasaskan sains atau kejuruteraan atau setaraf dengannya yang diiktiraf oleh LPTA dan mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 5 tahun dalam bidang latihan pensijilan yang dipohon.

- 4.4.5 Jurutunjuk Teknikal hendaklah mempunyai kelulusan minimum Diploma Sains atau Sijil Kemahiran Malaysia Peringkat Pertengahan atau setaraf dengannya yang diiktiraf oleh LPTA dan mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 3 tahun dalam bidang pensijilan yang dipohon.
- 4.4.6 Tenaga Pengajar dan Jurutunjuk Teknikal yang terlibat dengan amali hendaklah seorang Pekerja Sinaran.
- 4.4.7 Agensi Latihan hendaklah menyimpan rekod mengenai kelayakan, latihan, kemahiran dan pengalaman yang dimiliki oleh Tenaga Pengajar dan Jurutunjuk Teknikal.
- 4.4.8 Tenaga Pengajar dan Jurutunjuk Teknikal yang telah diiktiraf oleh LPTA untuk mengajar tetapi tidak aktif selama 2 tahun berterusan akan dibatalkan kelulusannya.

4.5 Kemudahan dan Peralatan

4.5.1 Agensi Latihan hendaklah menyediakan/mempunyai kemudahan fizikal seperti tempat dan kelengkapan/peralatan yang mencukupi bagi mengendalikan latihan seperti berikut:

- a) Bilik/Dewan kuliah
 - i. Hendaklah boleh menempatkan maksimum 40 orang calon untuk satu kelas;
 - ii. Keluasan minimum hendaklah 1.5 meter persegi untuk seorang calon;

- iii. Mewujudkan keadaan pengajaran dan pembelajaran yang kondusif dengan keadaan pembelajaran sepanjang hayat dikalangan pengamal sektor kerajaan mahupun swasta.
 - iv. Hendaklah dilengkapi dengan pendingin udara atau kipas yang mencukupi; dan
 - v. Lain-lain yang berkaitan.
- b) Kelengkapan/peralatan bilik/dewan kuliah
- i. Hendaklah dilengkapi dengan kerusi dan meja yang mencukupi;
 - ii. Hendaklah dilengkapi dengan *LCD* atau *OHP*, skrin putih, papan putih dan sistem siar raya (*PA System*) [jika perlu]; dan
 - iii. Lain-lain yang berkaitan.
- c) Bilik/Dewan amali
- i. Hendaklah boleh menempatkan maksimum 4 orang calon untuk satu stesyen dan mempunyai sekurang-kurangnya 3 stesyen;
 - ii. Keluasan minimum hendaklah 12 meter persegi untuk setiap stesyen;
 - iii. Hendaklah dilengkapi dengan pendingin udara atau kipas yang mencukupi; dan
 - iv. Lain-lain yang berkaitan.
- d) Kelengkapan/peralatan bilik/dewan amali
- i. Hendaklah dilengkapi dengan sekurang-kurangnya 3 set kelengkapan /peralatan amali untuk sekurang-kurangnya 3 stesyen;

- ii. Kelengkapan/peralatan yang diperlukan adalah berdasarkan bidang latihan pensijilan yang dipohon seperti yang terkandung dalam LEM/TEK/44 (BAHAGIAN A); dan
- iii. Lain-lain yang berkaitan.

e) Demonstrasi Hendaklah hanya digunakan untuk jenis latihan seperti yang disenaraikan dalam dokumen LEM/TEK/44 (BAHAGIAN A).

4.5.2 Semua peralatan yang digunakan untuk latihan hendaklah sentiasa diselenggara dan ditenturkan jika berkaitan. Dokumen penyelenggaraan dan sijil tentukan alat hendaklah disimpan dengan sempurna dan mudah diperolehi apabila diperlukan.

4.6 Rekod Latihan

Agensi Latihan hendaklah mendokumenkan:

4.6.1 Segala arahan dan prosedur pelaksanaan latihan (seperti di Para 4.2.1) termasuk jadual latihan dan senarai kehadiran calon dalam bidang berkaitan.

4.6.2 Segala maklumat dan rekod hendaklah sentiasa dikemaskini dan disimpan dengan sempurna bagi memastikan ia mudah diperolehi apabila diperlukan.

4.6.3 Menyimpan semua dokumen selama 7 tahun.

5. PROSEDUR MENDAPATKAN LESEN SEBAGAI AGENSI LATIHAN

5.1 Permohonan Lesen Secara Sistem Atas Talian

5.1.1 Permohonan Lesen (baharu, membaharui dan meminda) bagi menjadi Agensi Latihan hendaklah dikemukakan secara atas talian melalui Sistem eLesen (rujuk senarai semak permohonan di **Lampiran 1**). Pemohon hendaklah terlebih dahulu mendapatkan Sijil Tandatangan Digital (*Digital Certificate (Digicert)*). Pemohon boleh merujuk laman sesawang LPTA di <https://elesen.aelb.gov.my/esppuser/> bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai *Digicert* serta Manual Pengguna bagi tatacara permohonan atas talian.

5.2 Sebelum permohonan lesen kelas H diluluskan bagi tujuan operasi sebagai Agensi Latihan, satu audit akan dijalankan oleh JKPPPS jika perlu bagi melihat dan menilai keupayaan dari segi pengurusan, kemudahan serta pelaksanaan premis pemohon sebagai Agensi Latihan yang hendak diiktiraf.

5.3 Hasil laporan dan syor dari penilaian tersebut akan digunakan sebagai pertimbangan oleh LPTA bagi memberi kelulusan lesen kelas H ini kepada pemohon.

5.4 Pemohon boleh merujuk LEM/TEK/1 bertajuk 'Panduan Umum bagi Mendapatkan Lesen daripada Lembaga Perlesenan Tenaga Atom' bagi mendapatkan penjelasan terperinci berkenaan keperluan minimum dalam permohonan lesen.

5.5 Fi Lesen

- 5.4.1 Setelah permohonan diluluskan, pemohon hendaklah menjelaskan bayaran fi lesen yang dikenakan sama ada dalam bentuk tunai, perbankan internet (Maybank2u, CIMB Clicks, RHB Online Banking atau CIMB Biz-Channel) bank draf, kiriman wang atau wang pos. Bagi bayaran secara bank draf, kiriman wang atau wang pos ianya hendaklah dibuat atas nama Ketua Pengarah LPTA.
- 5.4.2 Jumlah bayaran fi lesen yang dikenakan adalah bergantung kepada jumlah masa proses penilaian yang dijalankan oleh LPTA iaitu pada kadar RM20 (dua puluh ringgit) bagi setiap jam tenaga manusia yang digunakan oleh LPTA. Pembayaran hendaklah dibuat dalam tempoh 21 hari dari tarikh invois. Kegagalan membuat bayaran dalam tempoh ini akan menyebabkan kelulusan terbatal dengan sendirinya.

5.5 Tempoh Pengiktirafan

- 5.5.1 Agensi yang telah diiktiraf sebagai Agensi Latihan boleh diberi tempoh maksimum selama 3 tahun untuk beroperasi sebagai Agensi Latihan. Walau bagaimanapun, LPTA berhak menarik balik pengiktirafan tersebut jika Agensi Latihan gagal mematuhi atau melanggar syarat yang ditetapkan oleh LPTA dari masa ke semasa.
- 5.5.2 Agensi Latihan hendaklah mengendalikan latihan dalam bidang pensijilan yang telah diluluskan sekurang-kurangnya sekali dalam setahun. Kegagalan memenuhi atau melanggar syarat ini boleh menyebabkan lesen Kelas H untuk pengiktirafan sebagai Agensi Latihan ditarik balik.

5.6 Pengiktirafan Semula

- 5.6.1 Agensi Latihan yang berhasrat untuk untuk memohon pembaharuan pengiktirafan semula perlu mengemukakan permohonan kepada LPTA dalam tempoh 3 bulan sebelum tamat tempoh pengiktirafan secara atas talian.
- 5.6.2 Pengesyoran pengiktirafan semula boleh diberi untuk tempoh maksimum 3 tahun selanjutnya tertakluk kepada keputusan laporan prestasi yang dinilai oleh JKPPPS. LPTA berhak sepenuhnya menentukan tempoh yang layak diberikan bagi pengiktirafan semula kepada pemohon dengan mengambil kira syor yang diberikan oleh JKPPPS serta perkara-perkara lain yang dikira perlu seperti berlakunya perubahan syarat-syarat, peraturan-peraturan terhadap lesen yang diberikan.

5.7 Tambahan Bidang Latihan

Agensi Latihan boleh mengemukakan permohonan pindaan lesen yang lengkap kepada LPTA sekiranya ingin menambah bidang pensijilan yang telah diluluskan, dengan mengemukakan permohonan yang lengkap melalui permohonan di atas talian. Pemohonan ini boleh diakses melalui capaian berikut <https://elesen.aelb.gov.my/esppuser/>.

6. MAKLUMAT TAMBAHAN

Keperluan panduan standard ini tertakluk kepada perubahan oleh JKPPPS dan diluluskan oleh LPTA dari semasa ke semasa.

7. PENUTUP

Panduan ini adalah terpakai serta merta pada tarikh ia dikeluarkan. Berikutan pengeluaran LEM/TEK ini, maka **LEM/TEK/44 Bahagian C** adalah **dimansuhkan**. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai panduan ini, pemohon/ pemegang lesen boleh berhubung dengan LPTA menggunakan alamat seperti di bawah:

Lembaga Perlesenan Tenaga Atom
Batu 24, Jalan Dengkil, 43800 Dengkil, Selangor
No. Telefon : 03-8922 5888
No. Faks: 03-8922 3685
Email: mnr-customer@aelb.gov.my

8. REKOD DOKUMEN

Tarikh Terimapakai	Status	Penyedia
-	Sem.0	JKPPPS
9 Mac 2007 (LEM/TEK/44 Bahagian C)	Sem.1	<ul style="list-style-type: none"> i. Prof. Dr. Ismail bin Bahari - Universiti Kebangsaan Malaysia (Pengerusi) ii. Prof. Dr. Hj. Abd. Aziz bin Tajuddin - Universiti Sains Malaysia iii. Dr. Azmi bin Idris - SIRIM Berhad iv. Dr. Azali bin Muhammad - Agensi Nuklear Malaysia v. Tn. Hj. Mohd. Yusof bin Mohd. Ali - Agensi Nuklear Malaysia vi. En. Mohamed Nor bin Osman - Petronas Nasional Berhad vii. En. Bazli bin Sapiin - Kementerian Kesihatan Malaysia viii. En. Mohd. Pauzi bin Mohd. Sobari - Lembaga Perlesenan Tenaga Atom ix. Pn. Monalija bt. Kostor - Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (Setiausaha)
1 Ogos 2019 LEM/TEK/1 Bahagian E	-	<ul style="list-style-type: none"> i. JJKPPPS ii. Mohamad Annuar Assadat bin Husain – Lembaga Perlesenan tenaga Atom (Urus setia)

SENARAI SEMAK PERMOHONAN LESEN KELAS H- PERKHIDMATAN AGENSI LATIHAN

Bil.	Perkara	Jenis Permohonan Lesen		
		Baharu	Meminda	Membaharui
A. Organisasi dan Pengurusan				
1.	Agensi yang ingin memohon untuk mendapatkan pengiktirafan sebagai Agensi Latihan hendaklah mengemukakan permohonan (baharu, membaharui dan meminda) yang lengkap melalui permohonan di atas talian (rujuk senarai semak permohonan di Lampiran 1). Permohonan di atas talian ini boleh diakses melalui capaian berikut iaitu melalui Sistem Permohonan Lesen (eLesen). Pemohon hendaklah terlebih dahulu mendapatkan Sijil Tandatangan Digital (Digital Certificate (Digicert)). Pemohon boleh merujuk laman sesawang LPTA di https://elesen.aelb.gov.my/esppuser/ bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai Digicert serta Manual Pengguna bagi tatacara permohonan atas talian.	√	√	√
2.	Orang yang bertanggungjawab terhadap lesen (OBTL) [sila sertakan Borang 49 yang disahkan benar oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Sekiranya bukan Ahli Lembaga Pengarah surat perlantikan hendaklah ditandatangani oleh salah seorang ahli Lembaga Pengarah Syarikat [sila dapatkan dari laman web LPTA di www.aelb.gov.my	√		
3.	Salinan sijil pendaftaran syarikat yang telah disahkan benar oleh SSM.[Borang 9]	√		
4.	Surat perakuan pengamal perubatan berdaftar yang diluluskan [sila dapatkan dari laman web LPTA di www.aelb.gov.my	√		
B. Pekerja Sinaran: (sila rujuk senarai semak pengiktirafan pengendali sinaran)				
1.	<p>a. Sila lengkapkan biodata pada Sistem Peperiksaan & Pekerja Sinaran [https://elesen.aelb.gov.my/iexam/] dan muatnaik dokumen berikut di dalam sistem yang sama;</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Gambar ukuran passport terkini. ii. Sijil kehadiran Kursus Perlindungan Sinaran untuk Pegawai anjuran agensi yang diiktiraf oleh LPTA. Bagi pemohon bekas PPS yang tidak aktif dan PPS baru yang belum diiktiraf selepas setahun lulus peperiksaan PPS, sila lampirkan borang log CEP¹. iii. Salinan Sijil SKM (Radiografi industri) yang masih sah. (jika berkenaan) iv. Kad pengenalan. Bagi bukan warganegara, sertakan salinan passport yang masih sah. v. Sijil kelayakan akademik tertinggi <p>b. Setelah melengkapkan perkara (a), sila buat permohonan pada sistem eLesen, dengan memuatnaik dokumen seperti berikut;</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Salinan surat pengesahan pemeriksaan perubatan 	√		

¹ Sila rujuk panduan. LEM/TEK 44 Bahagian G 'Standard Pengiktirafan Baru dan Pengiktirafan Semula Berdasarkan Kaedah Program Pendidikan Berterusan (Continuous Education Programme – CEP)'.

Bil.	Perkara	Jenis Permohonan Lesen		
		Baharu	Meminda	Membaharui
	mukasurat 16 (LPTA/BM/5 Seksyen A), tidak melebihi 6 bulan daripada tarikh pemeriksaan. ii. Salinan permit kerja (Imigresen) bagi pemohon bukan warganegara iii. Resit pembayaran fi kad pekerja sinaran sebanyak RM 10/tahun yang telah dibuat terlebih dahulu samada pembayaran secara perbankan internet atau resit rasmi kerajaan yang diperoleh dari Unit kewangan LPTA.			
2.	Untuk pengiktirafan sebagai Pengendali, sila kemukakan perkara berikut: i. Membuat permohonan pada sistem eLesen, dengan memuatnaik dokumen B1(a)(i), (a)(iii), (a)(iv), (b)(i), (b)(ii), dan (b)(iii).	√		
3.	Sekiranya pekerja sinaran pernah bekerja di syarikat lain, urusan pemberhentian kerja hendaklah diselesaikan terlebih dahulu.	√		
C. Program Latihan:				
1.	Skop latihan	√	√	
2.	Sukatan / Silibus Latihan (Teori dan amali) i. Kandungan topik; dan ii. Peruntukan masa	√	√	
3.	Bahan rujukan digunakan	√	√	
4.	Nota / edaran syarahan	√	√	
5.	Contoh soalan kuiz/peperiksaan bersama skema jawapan	√	√	
6.	Rancangan latihan: i. Kaedah latihan ii. Kekerapan latihan (hendaklah mengendalikan latihan sekurang-kurangnya sekali dalam setahun)	√	√	√
7.	Senarai peralatan yang digunakan untuk latihan amali (sekiranya berkaitan)	√	√	
D. Tenaga Pengajar dan Jurutunjuk:				
1.	Sila dapatkan senarai semak pengiktirafan tenaga pengajar dan Jurutunjuk dilaman web www.aelb.gov.my	√		
E. Kemudahan Latihan :				
1.	Kemudahan fizikal seperti bilik latihan , kelengkapan dan peralatan latihan	√		
F. Rekod Latihan:				
1.	Rekod pelaksanaan latihan (tajuk latihan, tarikh latihan diadakan dll)		√	√
2.	Rekod kehadiran peserta (sekurang-kurangnya 70% kehadiran bagi setiap peserta)		√	√

Bil.	Perkara	Jenis Permohonan Lesen		
		Baharu	Meminda	Membaharui
3.	Borang penilaian latihan oleh peserta (sertakan contoh)	√	√	√
4.	Sijil kehadiran peserta (sertakan contoh)	√		
G.	Program Perlindungan Sinaran:			
1.	Menyediakan Program Perlindungan Sinaran yang mengandungi sekurang-kurangnya seperti format LEM/TEK/45 yang terkini mengikut aktiviti masing-masing [rujuk laman web LPTA di www.aelb.gov.my	√	√	√
2.	Semak status Program Perlindungan Sinaran sama ada perlu diubahsuai atau tidak pada sistem eLesen.	√	√	√
H.	Alat Pengesan Sinaran:			
1.	Memuatnaik surat pengesahan pembelian alat pengesan sinaran (<i>survey meter</i>) sekiranya belum memiliki (tidak kurang dari 2 unit).	√		
2.	Mempunyai bilangan alat pengawasan personel yang mencukupi (sila nyatakan jenis alat permonitoran personel yang akan digunakan)	√		
I.	Bahan Radioaktif:			
1.	Salinan sijil ujian kemantapan bagi kapsul punca dari pembekal (<i>special form certificate</i> *). Nota: Hanya untuk punca terkedap sahaja.	√	√	
2.	Katalog bagi bekas punca / pengangkutan (cth. Bekas penstoran tetap dan berkunci)	√	√	
3.	Surat pengesahan (<i>undertaking letter</i>) dari pembekal bahan radioaktif yang menyatakan kesanggupan menerima kembali bahan radioaktif setelah ianya tidak digunakan lagi oleh pemegang lesen atau pemegang lesen muflis Nota: Hanya untuk punca terkedap sahaja.	√	√	
4.	Salinan sijil kelulusan bekas punca / bekas pengangkutan jenis B (<i>certificate of compliance for packaging of radioactive material for transportation - Type B</i>) (bagi kategori 1 dan 2 sahaja)	√	√	
J.	Lokasi Peralatan Sinaran;			
1.	Pelan terperinci kedudukan lokasi peralatan sinaran (bagi peralatan bukan mudahalih sahaja, Kategori 1-3)	√	√	
K.	Tempat Penstoran Bahan Radioaktif : (mempunyai kawalan keselamatan dan sekuriti, jika berkenaan) – Bagi sekuriti Aras B sahaja iaitu bagi kegunaan Radiografi Industri			
1.	Permohonan kebenaran membina hendaklah dikemukakan bersama permohonan lesen. [Rujuk senarai semak permohonan kebenaran membina bilik penyinaran di laman web LPTA di www.aelb.gov.my	√	√	